

Buat banyak kali – susulan kilang dadah Geng 36

05 Ogos 2016

>> **Mereka hasilkan 50 kilogram ketamin sebulan untuk pasaran tempatan dan antarabangsa**

HARIAN METRO
SUSULAN KILANG DADAH GENG 36

Buat banyak kali

**Mohd Jamilul Anbia Md Denin
dan Fardy Bungga**
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kumpulan kongsi gelap Geng 36 yang ditumpaskari polis kerana



memiliki kilang memproses ketamin terbesar di negara ini dikatakan pernah mencuba untuk menghasilkan syabu. Cubaan itu dilakukan di kilang sama kerana harga syabu yang mahal mencecah RM80,000 sekilogram namun hasrat itu dilupakan selepas eksperimen mereka gagal.

Sumber berkata, kumpulan pakar 'diimport' dari India itu gagal menghasilkan syabu berkualiti.

"Ini berikutnya

peralatan di kilang dadah itu lebih sesuai untuk menghasilkan ketamin.

"Kumpulan itu dikatakan melakukan eksperimen memproses ketamin berulang kali pada hujung tahun lalu sebelum menguasai kemahiran menghasilkan dadah terbabit," katanya.

Menurutnya, sindiket itu turut mencatatkan kaedah memproses ketamin di buku catatan khas.

"Mereka dipercayai menghasilkan 50 kilogram ketamin sebulan untuk pasaran tempatan dan antarabangsa berdasarkan kuantiti ditemui," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Izhar Abu Talib berkata, kejayaan cemerlang Pasukan Khas Taktikal

"Selagi wujud penawaran dadah, selagi itu akan ada penagih Izhar"



LAPORAN Harian Metro semalam.

Perisikan Narkotik (STING) Polis Diraja Malaysia (PDRM) membongkar kilang pemprosesan dadah di Ulu Tiram, Johor itu memberi impak besar kepada masalah dadah di negara ini.

Katanya, kejayaan demi kejayaan seperti itu secara tidak langsung dapat mengurang ataupun menghalau penyalahgunaan dadah kerana sindiket pemprosesan dan pengedaran berkait rapat.

"Selagi wujud penawaran dadah, selagi itu akan ada penagih," katanya ketika dihubungi semalam.